


BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 2 Tahun 2022

Februari 2022



Program bantuan “Food Bank” yang dilaksanakan bermula pada 1 September 2020 di Istana Kehakiman diwujudkan bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan kakitangan disamping menjadi salah satu inisiatif Cawangan Psikologi dalam proses mengenali dan menyantuni warga Kehakiman dengan lebih rapat.

Inisiatif ini merupakan bantuan berbentuk barang keperluan makanan harian bagi meringankan kos sara hidup warga PKPMP yang kurang berkemampuan dari segi kewangan.



Disediakan oleh:
CAWANGAN PSIKOLOGI & AKRAB
PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 2 Tahun 2022

Februari 2022



KESIHATAN
MENTAL
DI MALAYSIA MEMBIMBANGKAN?



KUALA LUMPUR: Pengurus Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, masalah kesihatan mental masyarakat di negara ini yang kini dilihat berada pada tahap membimbangkan setelah negara dilanda wabak Covid-19 sejak tahun 2019 lalu.

Hal ini juga disokong oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam kenyataan akhbar BERITA HARIAN online (BH online), dimana baginda menyambut baik Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental Tahun 2020-2025 yang dirangka bagi menangani isu kesihatan mental rakyat terutama yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015:

- 29.2% daripada 4.2 juta penduduk Malaysia berusia 16 tahun ke atas mengalami penyakit kesihatan mental

Statistik NHMS 2017:

- 1 daripada 5 remaja berasa tertekan
- 2 daripada 5 berasa bimbang
- 11.2% ada idea untuk bunuh diri
- 10.1% cuba bunuh diri

